

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

### KANDUNGAN

#### Muka Surat

1.0	Pengenalan	3
2.0	Tujuan	3
3.0	Takrif	4
4.0	Pendaftaran sebagai firma yang kompeten	4
4.1	Dokumen permohonan	4
4.1.1	Surat permohonan	6
4.1.2	Borang pendaftaran firma yang kompeten	6
4.1.3	Latar belakang syarikat dan carta organisasi terkini	6
4.1.4	Salinan surat kelulusan firma yang kompeten yang lepas	6
4.1.5	Senarai pegawai teknikal dan kakitangan kejuruteraan	6
4.1.6	Dokumen perjanjian kerjasama teknikal dengan principal pembuat dandang stim dari luar negara	7
4.1.7	Surat tawaran kerja daripada syarikat petroleum	7
4.1.8	Senarai jentera-jentera dan peralatan yang dimiliki / JKJ 105	7
4.1.9	Pelan lokasi / kedudukan jentera	7
4.1.10	Senarai kerja-kerja pembuatan, baikpulih & pemasangan pengandung tekanan yang dijalankan	8
4.1.11	Rekod penyeliaan oleh badan berkuasa memeriksa semasa pembinaan di premis dan pemasangan di tapak pemunya jentera	8

NO. DOKUMEN : JKKP IS 127/ PPP / PT	PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH & PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)	PINDAAN : 00
4.1.12	Manual kawalan mutu yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuatan, baikpulih & pemasangan pengandung tekanan	8
4.1.13	Manual KKP	9
4.1.14	Surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah	9
4.1.15	Spesifikasi tatacara kimpalan	9
4.1.16	Pendaftaran tempat kerja dengan JKPP Negeri	9
4.1.17	Salinan penyata caruman KWSP	9
4.1.18	Senarai kod rekabentuk yang digunakan	10
4.1.19	Senarai buku perundangan	10
4.1.20	Program latihan kakitangan berkaitan teknikal dan KKP	10
4.1.21	Lain-lain dokumen sokongan	10
4.2	Proses pendaftaran	10
4.3	Tempoh kelulusan pendaftaran	10
4.4	Penggantungan dan pembatalan pendaftaran	11
4.5	Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui pendaftaran	11
4.6	Permohonan pendaftaran	11
Borang A – Pendaftaran firma yang kompeten (pembuat, pembaikpulih & pemasang pengandung tekanan)		

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

## **1.0 PENGENALAN**

Seksyen 29A, Akta Kilang Dan Jentera 1967 telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membuat, fabrikasi, menguji, memasang, menyelenggara, merombak dan membaikpulih mana-mana jentera yang telah ditetapkan kecuali telah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pemeriksa.

Akta Kilang dan Jentera 1967 telah menafsirkan jentera adalah termasuk dandang stim, pengandung tekanan tak berapi, pengandung tekanan berapi dan silinder gas.

Manakala Peraturan 5(1), Peraturan-peraturan (Dandang stim dan Pengandung Tekanan Tak Berapi) Kilang dan Jentera 1970 telah menyatakan tidaklah boleh seseorang pun mengilang atau membuat atau menyebabkan pengilangan atau pembuatan sesuatu dandang stim atau pengandung tekanan tak berapi tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pemeriksa.

Berdasarkan kepada kehendak perundangan di atas, setiap syarikat yang akan menjalankan kerja-kerja membuat, membaikpulih dan memasang pengandung tekanan hendaklah berdaftar dengan Jabatan sebagai firma yang kompeten sebelum menjalankan kerja.

## **2.0 TUJUAN**

Panduan ini bertujuan untuk memberi penerangan mengenai prosedur dan syarat pendaftaran dengan JKKP sebagai syarikat pembuat, membaikpulih & pemasang pengandung tekanan.

Skop pendaftaran meliputi :

- i) Pembuat Dandang Stim;
- ii) Pembuat Pengandung Tekanan Berapi;
- iii) Pembuat Pengandung Tekanan Tak Berapi;
- iv) Pembuat Pengandung Tekanan Tak Berapi Jenis Paip (*Seamless Pipe*);
- v) Pembuat Pintu Cepat Terbuka (*Clutch Door*);
- vi) Pembuat Penghujung Lekuk (*Dished End*);
- vii) Pembuat Silinder Gas;
- viii) Pembuat '*Pressurized Road Tanker*';
- ix) Membaikpulih Dandang Stim;
- x) Membaikpulih Pengandung Tekanan Berapi;
- xi) Membaikpulih Pengandung Tekanan Tak Berapi;
- xii) Kelayakan Semula (RQ) dan Membaikpulih Semula (RC) silinder LPG; dan/atau
- xiii) Pemasang Dandang Stim.

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

### 3.0 TAKRIF

#### **Ketua Pemeriksa**

Ketua Pemeriksa adalah Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

#### **Firma Yang Kompeten**

Firma Yang Kompeten ialah syarikat yang telah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pemeriksa.

#### **KKP**

KKP ialah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

### 4.0 PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN

#### 4.1 Dokumen permohonan

Setiap permohonan pendaftaran firma yang kompeten hendaklah disertakan dengan maklumat seperti berikut -

- a) Surat permohonan;
- b) Borang pendaftaran firma yang kompeten yang telah diisi (**borang A**);
- c) Latar belakang syarikat dan carta organisasi terkini;
- d) Salinan surat kelulusan firma yang kompeten yang lepas (bagi permohonan pembaharuan sahaja);
- e) Senarai pegawai teknikal dan kakitangan kejuruteraan;
- f) Dokumen perjanjian kerjasama teknikal dengan *principal* dandang stim dari luar negara (bagi pembuat dandang stim sahaja)
- g) Surat tawaran kerja daripada syarikat petroleum (bagi Kelayakan Semula (RQ) dan Pembaikpulihan Semula (RC) silinder LPG sahaja)
- h) Senarai Jentera-jentera dan peralatan-peralatan yang dimiliki / JKJ 105;

<p>NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b></p>	<p><b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b></p>	<p>PINDAAN : <b>00</b></p>
---	---	--------------------------------

- i) Pelan lokasi premis dan kedudukan jentera;
- j) Senarai kerja – kerja pembuatan, baikpulih & pemasangan pengandung tekanan yang telah dijalankan;
- k) Rekod Penyeliaan oleh Badan Berkuasa Memeriksa semasa pembinaan di premis dan/atau pemasangan di tapak pemunya jentera (bagi pembuat dandang stim, pemasang dandang stim dan pembuat gas silinder sahaja)
- l) Manual Kawalan Mutu yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuatan, baikpulih & pemasangan pengandung tekanan;
- m) Manual KKP;
- n) Surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah;
- o) Spesifikasi Tatacara Kimpalan;
- p) Pendaftaran tempat kerja dengan JKPP Negeri ;
- q) Salinan penyata caruman KWSP ;
- r) Senarai Kod Rekabentuk Yang Digunapakai;
- s) Senarai Buku perundangan ;
- t) Program Latihan Kakitangan berkaitan teknikal dan KKP ; dan
- u) Lain-lain Dokumen Sokongan.

**NOTA : Semua dokumen hendaklah disediakan dalam bentuk salinan keras dan salinan lembut.**

<p>NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b></p>	<p><b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b></p>	<p>PINDAAN : <b>00</b></p>
---	---	--------------------------------

#### **4.1.1 Surat permohonan**

Surat permohonan hendaklah disertakan dengan menyatakan tujuan dan skop permohonan pendaftaran firma yang kompeten.

#### **4.1.2 Borang pendaftaran firma yang kompeten**

Pemohon dikehendaki mengisi maklumat di dalam borang pendaftaran firma yang kompeten (**borang A**) dan dikemukakan bersama permohonan.

#### **4.1.3 Latar belakang syarikat dan carta organisasi terkini**

Permohonan hendaklah disertakan dengan latar belakang dan profil syarikat dengan menyatakan jumlah kakitangan, jenis aktiviti utama syarikat, carta organisasi dan sistem pengurusan secara amnya.

#### **4.1.4 Salinan surat kelulusan firma yang kompeten yang lepas**

Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah menyertakan bersama salinan surat kelulusan firma yang kompeten yang lepas

#### **4.1.5 Senarai pegawai teknikal dan kakitangan kejuruteraan**

Permohonan hendaklah dilampirkan bersama senarai pegawai teknikal dan kakitangan kejuruteraan beserta *resume* lengkap. Antara pegawai yang terlibat ialah pegawai di dalam bidang kejuruteraan, bahagian kawalan mutu, bahagian keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pengimpal berkelayakan.

Syarikat hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) pengimpal berkelayakan yang tetap.

Syarikat juga perlu melantik seorang wakil yang bertanggungjawab dalam urusan KKP, sekiranya tidak dikehendaki melantik seorang Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) sepertimana di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan), 1997.

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

**4.1.6 Dokumen perjanjian kerjasama teknikal dengan *principal* pembuat dandang stim dari luar negara**

Bagi permohonan sebagai syarikat pembuat dandang stim, pemohon hendaklah menyertakan salinan dokumen perjanjian kerjasama teknikal dengan *principal* dandang stim dari luar negara.

**4.1.7 Surat tawaran kerja daripada syarikat petroleum**

Bagi permohonan sebagai syarikat Kelayakan Semula (RQ) dan Pembaikpulih Semula (RC) silinder LPG, pemohon hendaklah menyertakan salinan surat tawaran kerja daripada syarikat petroleum.

**4.1.8 Senarai Jentera-jentera dan peralatan-peralatan yang dimiliki / JKJ 105**

Syarikat hendaklah mempunyai jentera / peralatan yang mencukupi untuk menjalankan kerja. Jentera / peralatan adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada :

- a) *Welding set*
- b) *Cutting Machine*
- c) *Rolling Machine*
- d) *Drilling Machine*
- e) *Bending Machine*
- f) *Overhead Travelling Crane (OTC)*
- g) *Grinder*
- h) *Hydrostatic Test Set / Pneumatic Test Set*
- i) *Furnace*
- j) *Deep Drawn machine* (bagi pembuat silinder gas sahaja)
- k) *Stamping Machine* (bagi pembuat silinder gas sahaja)

**4.1.9 Pelan lokasi premis dan kedudukan jentera**

Pemohon hendaklah menyediakan pelan lokasi kedudukan kilang serta pelan susunatur kedudukan jentera di dalam kilang. Koordinat lokasi kilang (GPS) perlu dinyatakan sekiranya ada.

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

**4.1.10 Senarai kerja – kerja pembuatan, baikpulih & pemasangan pengandung tekanan yang dijalankan**

Pemohon hendaklah menyenaraikan pengalaman kerja yang pernah dilaksanakan dalam bidang yang dipohon. Bagi permohonan pembaharuan, pemohon hendaklah menyenaraikan projek yang telah dilaksanakan sepanjang tempoh kelulusan pendaftaran yang lepas beserta dokumen berikut :

- a) Salinan borang ujian, JKJ 127
- b) Salinan borang kerja kimpalan, Kej. 175A
- c) Salinan surat kelulusan rekabentuk (bagi pembuat sahaja)
- d) Salinan rekod data pembuat (MDR) (bagi pembuat sahaja)
- e) Salinan surat kebenaran kerja-kerja baikpulih dari JKKP negeri (bagi pembaikpulih sahaja)

**4.1.11 Rekod penyeliaan oleh badan berkuasa memeriksa semasa pembinaan di premis dan pemasangan di tapak pemunya jentera**

Bagi permohonan sebagai syarikat pembuat dandang stim, pemasang dandang stim dan pembuat gas silinder, pemohon hendaklah menyertakan bukti penyeliaan oleh badan berkuasa memeriksa semasa pembinaan di premis pembuat dan pemasangan di tapak pemunya jentera.

**4.1.12 Manual Kawalan Mutu yang berkaitan dengan kerja-kerja pembuat, pembaikpulih & pasang pengandung tekanan**

Pemohon hendaklah mengemukakan manual kawalan mutu syarikat yang berkaitan dengan bidang yang dipohon. Maklumat yang perlu ada di dalam manual kawalan mutu adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada :

- a) Dasar kualiti terkini yang ditandatangani oleh pengurus beserta tarikh
- b) Carta aliran proses yang menggambarkan proses kerja yang dijalankan
- c) ITP (*Inspection Test Plan*)
- d) *Material control*
- e) *Design control*
- f) *Welding control*
- g) *Process control*

Orang bertanggungjawab yang dinyatakan di dalam manual kawalan mutu hendaklah sama seperti di dalam carta organisasi syarikat.



NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBAUT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKANAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

#### **4.1.13 Manual KKP**

Pemohon hendaklah mengemukakan Manual KKP syarikat yang merangkumi perkara seperti berikut tetapi tidak terhad kepada :

- a) Dasar KKP terkini yang ditandatangani oleh pengurus beserta tarikh
- b) Carta organisasi jawatankuasa KKP
- c) Salinan minit mesyuarat jawatankuasa KKP yang terkini
- d) Pengenalpastian hazard, penaksiran risiko dan kawalan risiko (HIRARC) atau JSA ( *Job Safety Analysis*)

#### **4.1.14 Surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah**

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran / lesen perniagaan yang sah seperti pendaftaran dengan pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran dengan PERKESO sekiranya berkaitan.

#### **4.1.15 Spesifikasi Tatacara Kimpalan**

Pemohon perlu menyenarai salinan utama spesifikasi tatacara kimpalan yang dimiliki beserta dokumen berikut :

- a) WPS (Welding Procedure Specification)
- b) PQR (Procedure Qualifition Record)
- c) WQT (Welder Qualification Test)

Setiap WPS, PQR dan WQT hendaklah mendapat kelulusan daripada badankuasa memeriksa.

#### **4.1.16 Pendaftaran tempat kerja dengan JKPP Negeri**

Setiap tempat kerja hendaklah didaftarkan dengan JKPP Negeri. Laporan Pemeriksaan Kilang (JKJ 17) hendaklah dilampirkan bersama. Pemohon hendaklah mengemukakan Laporan Penambahbaikan kategori C yang dinyatakan di dalam JKJ 17.

#### **4.1.17 Salinan KWSP**

Pemohon hendaklah mengemukakan salinan penyata caruman KWSP bagi pegawai yang dinyatakan di bawah perenggan 4.1.5 untuk tiga (3) bulan berturut-turut. Ini adalah untuk memastikan pegawai tersebut adalah kakitangan tetap syarikat.

NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b>	<b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKINAN)</b>	PINDAAN : <b>00</b>
--	--	------------------------

#### **4.1.18 Senarai Kod Rekabentuk Yang Digunapakai**

Pemohon hendaklah mengemukakan senarai kod rekabentuk yang digunapakai di dalam kerja – kerja yang dilakukan.

#### **4.1.19 Senarai buku perundangan**

Pemohon hendaklah mengemukakan senarai buku perundangan KKP yang dimiliki dan dijadikan rujukan ketika menjalankan aktiviti syarikat.

#### **4.1.20 Program Latihan Kakitangan berkaitan teknikal dan KKP**

Pemohon hendaklah mengemukakan rekod dan menyediakan perancangan latihan berkaitan teknikal dan KKP bagi pekerja pada tahun semasa dan berikutnya.

#### **4.1.21 Lain-lain Dokumen Sokongan**

Pemohon boleh mengemukakan lain-lain dokumen sokongan seperti sijil pengiktirafan, ISO 9001:2008, MS 1722:2005 dan sebagainya.

#### **4.2 Proses Pendaftaran**

Untuk tujuan memproses setiap permohonan, temuduga, taklimat teknikal dan lawatan premis akan dijalankan oleh Jabatan. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses.

Permohonan akan diproses dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh maklumat lengkap diterima. Keputusan permohonan dibuat berdasarkan kepada dokumen yang dihantar, laporan pemeriksaan premis dan temuduga. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak.

#### **4.3 Tempoh kelulusan pendaftaran**

Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran firma yang kompeten akan diberikan untuk tempoh maksimum **tiga (3)** tahun daripada tarikh surat kelulusan dikeluarkan.

<p>NO. DOKUMEN : <b>JKKP IS 127/ PPP / PT</b></p>	<p><b>PANDUAN PENDAFTARAN SEBAGAI FIRMA YANG KOMPETEN (PEMBUAT, PEMBAIKPULIH &amp; PEMASANG PENGANDUNG TEKAMAN)</b></p>	<p>PINDAAN : <b>00</b></p>
<p><b>4.4 Penggantungan dan pembatalan pendaftaran</b></p> <p>Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan pendaftaran firma yang kompeten jika firma yang kompeten tersebut didapati -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa ; atau</li> <li>b) telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.</li> </ul> <p><b>4.5 Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui pendaftaran</b></p> <p>Ketua Pengarah boleh enggan memperbaharui pendaftaran firma yang kompeten jika syarikat tersebut didapati -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) gagal mematuhi syarat-syarat kelulusan pendaftaran;</li> <li>b) telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKKP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKKP dari semasa ke semasa; atau</li> <li>c) telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.</li> </ul> <p><b>4.6 Permohonan pendaftaran</b></p> <p>Setiap permohonan hendaklah dikemukakan kepada:</p> <p>Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia Aras 2,3 &amp; 4, Blok D3, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530, W.P Putrajaya</p>		
<p>DI SEDIAKAN OLEH :  <b>BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI</b></p>		<p>TARIKH PINDAAN :  <b>31 OKTOBER 2011</b></p>

